

**KAJI SELIDIK TERHADAP PELANGGARAN AKTA
HAKCIPTA KARYA-KARYA PROFILEMAN MALAYSIA
DI KALANGAN MASYARAKAT SHAH ALAM**

**MOHAMMAD HASFANIZAM BIN HASSAN
98535233**

**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM SELANGOR**

SEPTEMBER 2001

ISI KANDUNGAN

PERKARA	M/S
Sekapur Sirih	i
Sekalung Budi	ii - iii
Senarai Jadual	iv - v
Senarai Gambarajah	vi.....
Abstrak	vii.....

BAB 1

1.0 PENGENALAN

1.1	Latarbelakang Penyelidikan	1 - 4
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Penyelidikan	6
1.4	Persoalan Penyelidikan	7
1.5	Signifikan Penyelidikan	8 - 9
1.6	Definisi Istilah	10 - 12
1.7	Batasan Penyelidikan	13

SEKALUNG BUDI

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Assalamualaikum wbt...

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat jua saya menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya. Walaupun sepanjang tempoh untuk menyelesaikan penyelidikan ini saya terpaksa menghadapi segala dugaan dan rintangan tetapi dengan keazaman dan keyakinan yang tinggi segala masalah dapat dihadapi dan akhirnya saya berjaya menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih kepada En. Husain bin Hashim kerana sudi menjadi pensyarah penyelia. Beliau merupakan orang yang menjadi nadi kepada kepada kejayaan penyelidikan ini. segala bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan adalah amat berharga dan dijadikan sebagai panduan untuk menyelesaikan penyelidikan ini. Tanpa bimbingan dan nasihat daripada beliau adalah sukar bagi saya untuk menyelesaikan penyelidikan ini.

Paling teristimewa buat kedua ibubapa dan keluarga yang selama ini telah memberikan sokongan dan menjadi sumber inspirasi kepada saya untuk berjaya dalam pelajaran. Tanpa doa restu, didikan dan dorongan daripada mereka adalah mustahil bagi saya untuk berjaya berjaya dalam pelajaran dan segala lapangan yang diceburi. Harapan mereka menjadi suatu amanah dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan dengan jayanya. Mereka memberikan kekuatan untuk saya mencapai segala kejayaan yang diimpikan.

ABSTRAK

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji dan mengenalpasti punca-punca yang menjadi faktor pendorong kepada berlakunya masalah cetak rompak dalam sektor profileman di Malaysia. Objektif utama dalam penyelidikan ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan pengguna terhadap Akta Hakcipta. Melalui penyelidikan ini kita akan dapat mengetahui tahap pengetahuan atau kesedaran pengguna terhadap Akta Hakcipta dan mengenalpasti badan atau organisasi yang terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang Hakcipta. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk mengetahui pengetahuan pengguna terhadap perlanggaran Akta Hakcipta. Adakah pengguna mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan perlanggaran Akta Hakcipta, kesan buruk yang berlaku akibat perlanggaran Akta Hakcipta sama ada kepada pengusaha filem atau pemilik harta intelektual, industri profileman dan negara umumnya. Seterusnya adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan pengguna lebih cenderung membeli VCD cetak rompak berbanding dengan VCD asli. Di sini kita akan dapat mengetahui adakah faktor seperti harga dan kualiti yang hampir sama yang ditawarkan oleh VCD cetak rompak menyebabkan orang ramai lebih berminat untuk mendapat atau membeli VCD cetak rompak berbanding untuk membeli VCD asli. Di samping itu juga penyelidikan ini juga adalah bertujuan mengenalpasti punca-punca yang menjadi penyebab masalah cetak rompak masih berlaku walaupun pihak kerajaan dan pihak berkuasa yang terbabit telah berusaha bersungguh-sungguh membanteras masalah cetak rompak daripada terus berlaku dengan berleluasa tanpa sebarang tindakan yang sewajarnya.

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 LATARBELAKANG PENYELIDIKAN

Sektor perfileman di Malaysia adalah merupakan salah satu kegiatan ekonomi yang telah memberi banyak peluang pekerjaan kepada ramai rakyat Malaysia yang berminat untuk menceburkan diri mereka dalam dunia seni. Industri perfileman tidak hanya memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia bahkan juga boleh menyumbang keuntungan kepada negara, memartabatkan filem negara dan dapat mengharumkan nama negara di mata dunia dengan penghasilan filem-filem yang bermutu dan berkualiti. Namun demikian, sektor perfileman tidak boleh lari daripada satu masalah yang sudah lama membayangi industri ini sejak dahulu lagi iaitu masalah cetak rompak. Cetak rompak merupakan satu daripada aktiviti pelanggaran Akta Hakcipta dan keadaan ini menjadi masalah yang sudah sinonim dengan dunia perfileman. Jika sesuatu filem dihasilkan atau diterbitkan berada di pasaran, kita juga dapat menemui filem-filem yang telah dicetak rompak turut sama berada di pasaran. Keadaan ini kita dapat lihat dengan mudah berlaku di tempat-tempat awam seperti di pusat membeli-belah, pasar malam bahkan kedai video turut menjual filem-filem yang telah dicetak rompak.

Filem yang telah dicetak rompak biasanya telah dicetak atau disalin ke dalam bentuk "magnetic tape" ataupun "optical disc". "Magnetic tape" adalah satu medium penyimpanan maklumat yang sering digunakan untuk merekodkan atau menyimpan sebarang bentuk maklumat sehingga kepada merakamkan filem-filem yang telah